

# **Status Kefahaman Pensyarah Dalam Pentaksiran Perbincangan Berkumpulan Mengikut Spesifikasi Kurikulum Matematik KMPP**

Asiahwati Awi

Unit Matematik, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

[asiahwati.matrik@1govuc.gov.my](mailto:asiahwati.matrik@1govuc.gov.my)

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengkaji status kefahaman pensyarah dalam pentaksiran perbincangan berkumpulan mengikut Spesifikasi Kurikulum Matematik bagi pelajar sistem dua semester Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. Reka bentuk kajian adalah pendekatan kualitatif. Data dikumpul melalui kaedah pemerhatian di dalam kelas. Kajian ini melibatkan empat orang pensyarah yang mengajar pelajar sistem dua semester dan dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan borang senarai semak sebagai instrumen. Data dilaporkan dalam tiga bahagian mengikut soalan kajian iaitu perancangan sebelum, semasa dan respon pemerhatian. Bagi memudahkan kesimpulan terhadap status kefahaman dibuat, kajian ini menggunakan kaedah analisis statistik kuasi semasa menganalisis data. Dengan ini data kualitatif telah ditafsir menjadi kuantitatif dengan memberi markah 0 sehingga 5 mengikut pemerhatian oleh penyelidik. Hasil kajian mendapati status kefahaman dua orang pensyarah dalam pentaksiran perbincangan berkumpulan adalah sederhana, manakala dua orang pensyarah lagi mempunyai status kefahaman dalam pentaksiran perbincangan berkumpulan yang tinggi. Secara keseluruhannya, status kefahaman pensyarah dalam pentaksiran perbincangan berkumpulan mengikut Spesifikasi Kurikulum Matematik adalah tinggi. Implikasi kajian menunjukkan pensyarah faham dalam membuat pentaksiran perbincangan berkumpulan mengikut Spesifikasi Kurikulum.*

**Kata Kunci:** *Spesifikasi Kurikulum Matematik, perancangan sebelum perbincangan, pelaksanaan semasa perbincangan, respon selepas pembincangan.*